Aktiviti wanita

# Pesuma sertai Majlis Konvokesyen UMT

SH 27/07/08 pg. T13

**KUALA TERENGGANU –** Persatuan Setiausaha Universiti Malaysia Terengganu (Pesuma) turut bertugas dalam Majlis konvokesyen UMT 2008 kali Ke-enam, yang berlangsung selama empat hari itu.



**WAN SARIMAH WAN RAZAK**

Pengerusinya, Wan Sarimah Wan Razak berkata, ini merupakan tugasan hakiki setiap kali majlis konvokesyen pelajar di sini.

"Pesuma turut bertindak sebagai penyambut tetamu dan menjadi ahli jawatankuasa kecil bagi melancarkan majlis tersebut sebagaimana kakitangan yang lain bertugas," katanya.

Katanya, Pesuma akan mengadakan seminar pembantu tadbir dan pentadbiran terbuka kepada mereka berminat sama ada kakitangan UMT dan kakitangan jabatan awam lain.